

1. Pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang untuk menghasilkan produk yang memberi impak positif kepada manusia.

Apakah definisi tersebut?


- A** Teknologi
B Reka bentuk
C Kejuruteraan
D Reka bentuk dan teknologi
2. Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang reka bentuk konkrit?
- I Produk yang dihasilkan boleh dilihat dan dipegang
 II Produk yang dihasilkan boleh dilihat tetapi tidak boleh dipegang
 III Perkhidmatan pengangkutan dan pembelajaran merupakan contoh bidang reka bentuk konkrit
 IV Teknologi pemakanan dan fesyen merupakan contoh bidang reka bentuk konkrit
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
3. Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri bentuk?
- I Berstruktur
 II Tiada bayangan
 III Bersifat dua dimensi (2D)
 IV Boleh dilihat dari semua penjuru
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
4. Antara yang berikut, yang manakah fungsi garisan?
- I Menunjukkan kerehatan
 II Menunjukkan kedalaman objek
 III Menunjukkan pergerakan arah atau aliran
 IV Membahagikan dua ruang kawasan untuk menyatakan perbezaan ciri dan menunjukkan lokasi
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Antara yang berikut, yang manakah prinsip reka bentuk?

- I Saiz
 II Harmoni
 III Kesatuan
 IV Kontras

- A** I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV

6. Rajah di bawah menunjukkan teknik pembinaan objek.



Apakah teknik pembinaan itu?

- A** Peleraian
B Penyatuan
C Pembuangan
D Pembenaman

7. Apakah skop kerja bagi seorang arkitek?

- A** Mereka bentuk hiasan dalaman bangunan
B Mereka bentuk produk berkaitan kenderaan
C Merancang reka bentuk dan pelan bangunan
D Mereka bentuk mesin, litar elektrik, dan jentera

8. Antara yang berikut, yang manakah definisi bagi invensi?

- A** Meniru produk yang lama
B Pengubahsuaian terhadap produk sedia ada
C Proses menghasilkan produk untuk dipasarkan
D Proses mencipta produk baharu dan belum dipatenkan